

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : UCAPAN AKHIR DALAM MESYUARAT AGUNG BAKTI KE 6  
Lokasi : RUMAH MALAYSIA  
Tarikh : 08-06-1983

Saudari-saudari yang dihormati, Dengan tidak ada lagi perbincangan, saya ingin mengucapkan sebanyak terima kasih kepada para hadirin atas kerjasama yang diberi dan kepada Ahli-Ahli Jawatankuasa tadbir 1982/83 atas khidmat mereka sepanjang tahun lalu hingga kini. Saudari-saudari telah memilih jawatankuasa yang baru dengan bijak dan saya berharap, dengan panduan dari semua ahli biasa dan bersekutu, jawatankuasa ini akan merancang beberapa aktiviti-aktiviti yang akan mendatangkan faedah bersama kepada kita.

2. Semoga Allah Subhanahu Wataala memberkati usaha kita dan mencucuri taufik dan hidayahNya kepada kita semua untuk berkhidmat bakti.

3. Kepada ahli-ahli beragama Islam, saya ucapkan selamat menyambut bulan Ramadhan dan kepada ahli-ahli lain diucapkan selamat bahagia dan sihat selalu. Mesyuarat agung ini ditutup. Terima kasih.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.